

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL TEO YU KENG
[MIRI]**

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan:-

- (a) Miri adalah sebuah bandar yang kaya dengan keindahan semula jadi seperti pantai-pantai dan berpotensi untuk menjadi destinasi pelancongan terkemuka di Malaysia. Nyatakan apakah projek dan peruntukan yang akan diadakan oleh Kementerian dalam tahun 2019 untuk penambahbaikan kemudahan pantai-pantai peranginan di Miri seperti Lutong Beach dan Luak Esplanade; dan
- (b) memandangkan bandar Miri masih tidak mempunyai sebuah Jeti Awam, nyatakan sama ada Kementerian mempunyai peruntukan untuk membina satu jeti awam untuk memudahkan aktiviti pelancongan seperti aktiviti menyelam dan pertandingan memancing di kawasan perairan Miri.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah memperuntukkan sebanyak RM13.1 juta bagi projek pembangunan di Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3.4 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek pembangunan di Miri iaitu Peningkatan Kemudahan Pelancongan Projek Pembangunan Di Taman Negara Niah, Miri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

(b)

Kementerian sentiasa bekerjasama erat dengan Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaiktarafkan di Negeri Sarawak. Sehubungan itu, Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan khususnya di Miri.

Bagi tujuan pembinaan jeti awam, Ahli Yang Berhormat disyorkan membuat permohonan melalui Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak untuk diteliti berdasarkan keutamaan. Permohonan yang dikemukakan seterusnya akan diselaraskan oleh pihak Kementerian sebelum diperakukan untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Sekian, terima kasih.